



Rujukan Kami : AADK 100-2/2/2 (36)

Tarikh : 19 Februari 2012

**Ketua Pengarang,
Harian Metro,**

Tuan/Puan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AWAM MENGENAI KEGIATAN PENGEDARAN
DADAH DI KAMPUNG BATAS CHANGLUN MELALUI AKHBAR HARIAN
METRO 19 FEBRUARI 2013 DALAM RUANGAN iMLAPOR M/S 25A.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada aduan yang dikemukakan oleh **CHANG77[IMB45458]** melalui akhbar Harian Metro bertarikh 19 Februari 2013.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi aduan berkenaan:

*Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan **CHANG77** dalam menyalurkan aduan berkenaan dadah dalam negara. Untuk makluman, AADK memandang serius aduan tersebut. Sehubungan itu bagi aduan berkaitan pengedaran dadah, perkara berkenaan telah dipanjangkan kepada PDRM Bukit Aman untuk tindakan selanjutnya. Ini adalah kerana isu terbabit adalah dibawah tanggungjawab PDRM iaitu dibawah Akta Dadah Berbahaya 1952. AADK turut ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat aduan mengenai masalah penagihan dadah di kawasan pembaca Harian Metro, salurkan aduan tersebut melalui emel kepada pro@adk.gov.my atau hantarkan pesanan ringkas dengan menaip AADK <jarak> Menu dan hantarkan kepada 15888.*

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,


(MOHD AMIR KHUSAIRI HARUN)

b.p. Ketua Pengarah,
Agensi Antidadah Kebangsaan,
Kementerian Dalam Negeri

- Sk: - Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
- Pengarah Pengesanan dan Pengawasan AADK
- Tn. Jayadalloh
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia,
50560 Bukit Aman, Kuala Lumpur.